



SAYA mempunyai anak saudara perempuan berusia 15 tahun. Keluarganya orang berada, tetapi dia suka 'merek

cerita' untuk menunjukkan kehebatan dirinya dengan anak saya yang sebaya dengannya. Sebagai contoh baru-baru ini, dia mengatakan ibunya memberi iPad sempena hadiah hari jadinya. Sedangkan bila saya bertanya kepada ibunya, ia menafikannya. Seterusnya, perangnya itu lebih kurang sama seperti ibunya. Bagaimana cara dapat saya membantu supaya tidak mewaris 'perang' ibunya? Saya berpendapat perangai ibunya memanglah sukar diubah. Malangnya ibunya kadang kala tidak kisah dengan perangainya anaknya. Saya ingin membentuk anak saudara dengan sikap terpuji kerana sejak tiga tahun lalu dia bersekolah di asrama penuh berhampiran rumah saya dan tidak mahu perangnya menyebabkan rakan tidak menyukainya. Hujung minggu dia bersama saya sekeluarga. Dia hanya berjumpa ibunya ketika cuti sekolah yang panjang di Melaka.

Ingin Membantu, Kuala Selangor



Bersama
Dr Mastura Badzis

BERHADAPAN dengan remaja suka 'merek cerita' suatu perkara yang agak mengecewakan dan memeningkan apatah lagi jika anak bersikap demikian mempunyai pertalian dengan orang yang dibohongi. Pertama, sikap puan sebagai ibu saudara yang prihatin dan penuh keikhlasan ingin membantu wajar amat dihargai dan dipuji.

Kita perlu memahami psikologi remaja, mengapa berkelakuan begitu termasuk meneliti dan menganalisa tingkah lakunya untuk mencari penyelesaian terbaik.

Berkaitan isu ini, cendekiawan Islam Ibnu Sina, menyarankan tidak melabel anak jika melakukan sesuatu tingkah laku bertentangan dengan nilai murni, sebaliknya 'perlu diteliti apa membentuk tabiat dan persekitaran hidupnya...'

Muhammad Aqlah, seorang penulis Jordan mengenai 'Pendidikan Anak Menurut Islam', mengatakan amat perlu ibu bapa atau pendidik yang berurusan dengan kanak-kanak atau remaja perlu meneliti dan menimbang terlebih dulu tabiat sebenar mereka, menguji tahap inteleksinya dan kemudian berikar apa yang sesuai untuknya.

Sikap anak saudara puan yang digambarkan sebagai 'suka merek cerita' itu belum tentu menunjukkan yang dia ingin menunjukkan kehebatan dirinya. Sebenarnya banyak faktor menyebabkan remaja berbo-



Robot tembok keegoan

Ibu bapa, penjaga perlu jadi idola elak anak cetus masalah

hong. Ada sesetengah remaja berbohong hanya kerana mereka merasakan yang tiada apa yang menyeronokkan jika bercakap benar! Ada yang berbohong untuk mendapat perhatian dan menjadikannya hebat berbanding orang lain.

Hal ini berlaku mungkin kerana remaja ingin menagih simpati, mengharapkan sokongan atau kurang berupaya menyelesaikan masalah serta beranggapan bercakap bohong, satu-satunya cara untuk keluar daripada sesuatu masalah dihadapi.

James Lehman, seorang ahli terapi tingkah laku kanak-kanak dan remaja banyak menulis dalam buletin *Empowering Parents* yang diterbitkan setiap minggu oleh *The Legacy Publishing Company* mengatakan antara sebab remaja berbohong ialah untuk melindungi kawan, mengelak daripada dihukum kerana sesuatu kesalahan dilakukan.

Menangani masalah ini, ibu bapa atau orang yang rapat dengan remaja perlu memahami perbezaan 'merek cerita' atau berbohong memang menjadi isu moral dan berbohong yang berkait dengan isu atau ciri-ciri perkembangan remaja.

Sebagai contoh Adam, remaja yang sedang menghadapi masalah tidak dibenarkan keluar langsung bermain bola sepak dengan Ali, satu-satunya sahabat karibnya tanpa alasan logik.

Adam mungkin akan 'berbohong' kepada ibu bapanya yang dia tidak keluar bermain dengan Ali walaupun dia berbuat demikian. Berbohong seperti ini lebih berkait dengan isu perkembangan. Adam berbohong kerana dia amat perlukan kawan rapat untuk meluahkan perasaan

sedangkan ibu bapanya tidak mahu langsung memahaminya.

Lantas, Adam tidak akan menganggap tindakannya itu sebagai berbohong sebaliknya dia hanya menganggap melanggar peraturan ditetapkan ibu bapanya. Dalam situasi ini, Adam berhadapan dengan isu antara pilihan sendiri atau 'dikawal' ibu bapa dan bagi Adam, menentukan sesuatu dengan pilihannya bukanlah berbohong.

Dalam situasi lain, remaja juga mungkin 'merek cerita' kerana masalah komunikasi dan ini biasanya berlaku untuk mengelak pandangannya tidak didengari atau dihormati. Kadang kala remaja tidak berakad perkara sebenar atau mereka cerita kerana bimbang akan dimarahi.

Ia juga untuk menguji sejauh mana mereka diperlukan atau disayangi supaya rasa lebih selamat. Remaja biasa mengemukakan berfikir: "Adakah aku benar-benar penting dalam hidup ibu dan ayah sehingga mereka sentiasa prihatin terhadap apa yang aku lakukan? Sejuah mana aku ini penting dalam hidup mereka? Apa kesannya kalau aku melanggar peraturan ini dan sebagainya".

Ibu bapa adalah faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku atau sikap anak kerana mereka adalah pendidik pertama sebelum anak terdedah kepada persekitaran lain.

Imam al-Ghazali menjelaskan, anak belajar melalui pemerhatian dan meniru apa saja yang diperlihatkan. Jika ditiru sesuatu yang baik, dia akan hidup dengan adab kebiasaan dan sikap yang baik

begitulah sebaliknya.

Jika puan merasakan yang 'merek cerita' sudah menjadi kebiasaannya, maka perlu terima hakikat ia sedang berlaku. Bercanggahlah dengan anak saudara puan secara tertutup, dengan tenang, dari hati ke hati tentang permasalahan dialami dan perlukan penyelesaian. Adakah anak saudara puan sedang susah hati? Adakah dia rasa lebih baik berbohong daripada menyakiti atau mengguris hati seseorang? Adakah dia merasakan yang 'merek cerita' dapat membantunya menyelesaikan masalah sedang dihadapinya? Bila anak saudara puan cuba menjawab persoalan ini, dengar dengan penuh teliti dan sentiasa ingat puan untuk menyelesaikan masalahnya, BUKAN bercanggah isu kesalahan berbohong dari aspek moral. Puan mungkin tidak dapat menghalangnya daripada terus 'merek cerita' tetapi sekurang-kurangnya boleh menyampaikan mesej ada banyak cara lain boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah selain merek cerita.

Menurut Muhammad Al-Za'balawi dalam bukunya 'Pendidikan Remaja: Antara Psikologi dan Pendekatan Islam', sesuatu gejala moral atau masalah akhlak di kalangan remaja tidak mungkin dapat diselesaikan dengan sekali perbincangan sebaliknya pancingannya perlu diambil kira agar sesuatu hukuman dikanakan berseesuaian dengan tahap perkembangan mereka.

INFO

Tips tangani remaja suka bohong

- Jadikan diri anda sebagai ikutan yang baik atau idola kepada anak saudara.
- Jadikan diri anda sebagai sahabat baiknya untuk dia bercerita dan berkongsi apa saja yang dialami dan pastikan menyayangi dan menghormati anda.
- Bercanggah sendiri dari hati ke hati tentang perilaku yang tidak disenangi serta apa yang anda harapkan daripadanya - hal ini perlu jelas dan konsisten.
- Berual dengannya fakta tentang bahaya atau risiko sikapnya yang suka berbohong, namun anda perlu dalam keadaan tenang dan jangan sekecil berleter!
- Bantu anak remaja ini untuk berhadapan dengan apa permasalahan dialaminya dan dia perlu bertanggungjawab atas segala tindak tanduknya. Perjelaskan kepadanya yang anda ada di sisinya bersedia memberi sokongan dan dorongan untuk membantunya berubah.
- Galakkannya bercakap apa yang sedang dilakukan dan kenapa dia melakukannya. Jika dia tidak mahu bercakap dengan anda, cuba cari individu lain yang dipercayai untuk bercakap dengannya.
- Anda perlu terus berkomunikasi dengannya secara tenang dan cuba mengawal perasaan.
- Cuba mengenali kawannya untuk menyenangkankannya.
- Jangan mengkritik atau memarahinya keterlaluan kerana ini akan menjadikannya merasa tidak dihargai.
- Bantu supaya dia berasa yakin terhadap dirinya sendiri.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhniit@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.